



MODUL PENGURUSAN
AMIL
ZAKAT
MALAYSIA

Azman Ab Rahman

**MODUL PENGURUSAN
AMIL
ZAKAT
MALAYSIA**



MODUL PENGURUSAN AMIL ZAKAT MALAYSIA

Azman Ab Rahman

Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2014

Cetakan Pertama 2014
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juapun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis dan penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-798 8226 / 6081 Faks: 06-798 6083
penerbit.usim.edu.my
info.penerbit@usim.edu.my

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*

Online Printing Network Sdn. Bhd.
No. 49B, Jalan Anggerik,
Vanilla N31/N Kota Kemuning,
Seksyen 31, 40460 Shah Alam. Selangor.
Tel: 03-5151 2458 Faks: 03-5131 2458
onlineprint@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Azman Ab. Rahman

MODUL PENGURUSAN AMIL ZAKAT MALAYSIA: Panduan

Komprehensif / Azman Ab Rahman.

Bibliografi: pages

ISBN 978-967-440-060-6

1. Zakat. 2. Islam--Charities.

I. Judul.

297.54

KANDUNGAN	M/S
Penghargaan	9
Prakata	11
Pendahuluan	13
Unit 1: Konsep Zakat Menurut Islam	15
1.0 Pengenalan	18
1.1 Definisi Zakat dan Dalil Pensyariaan	18
1.2 Hukum Mengeluarkan Zakat	20
1.3 Jenis-jenis Zakat Menurut Islam	20
1.4 Penutup	40
Unit 2: Sejarah dan Peranan Amil Dalam Islam	41
2.0 Pengenalan	44
2.1 Definisi Amil	45
2.2 Amil Menurut Al-Quran dan Hadis	46
2.3 Sejarah Amil	47
2.4 Syarat-syarat Amil	52
2.5 Peranan dan Tanggungjawab Amil	53
2.6 Penutup	54
Unit 3: Kemahiran Komunikasi Amil	55
3.0 Pengenalan	58
3.1 Konsep dan Definisi Komunikasi	59
3.2 Prinsip Asas Komunikasi Yang Baik	61
3.3 Jenis-jenis Komunikasi	62
3.4 Jenis-jenis Komunikasi Yang Melibatkan Amil	63
3.5 Fungsi Komunikasi	64
3.6 Halangan/Gangguan Komunikasi	65
3.7 Panduan Penyampaian Mesej Berkesan	66
3.8 Penutup	66

Unit 4: Etika dan Integriti Amil	67
4.0 Pengenalan	70
4.1 Etika Amil	70
4.2 Konsep Integriti	72
4.3 Kepentingan Integriti Dalam Pekerjaan	72
4.4 Kemerosotan Integriti	78
4.5 Penutup	79
Unit 5: Fatwa Zakat	81
5.0 Pengenalan	84
5.1 Fatwa Zakat Negeri Johor	84
5.2 Fatwa Zakat Negeri Kelantan	87
5.3 Fatwa Zakat Negeri Sembilan	91
5.4 Fatwa Zakat Negeri Perak	92
5.5 Fatwa Zakat Negeri Selangor	93
5.6 Fatwa Zakat Negeri Terengganu	94
5.7 Fatwa Zakat Pulau Pinang	95
5.8 Fatwa Zakat Negeri Melaka	96
5.9 Fatwa Zakat Negeri Perlis	97
5.10 Fatwa Zakat Negeri Kedah	98
5.11 Fatwa Zakat Negeri Sarawak	99
5.12 Fatwa Zakat Negeri Pahang	104
5.13 Fatwa Zakat Wilayah Persekutuan	104
5.14 Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan	105
5.15 Penutup	113
Unit 6: Perundangan Zakat di Malaysia	115
6.0 Pengenalan	118
6.1 Kewujudan Undang-undang Islam dan Zakat	118
6.2 Perundangan Zakat Masa Kini	120
6.3 Kesalahan Keengganan Membayar Zakat Menurut Perundangan Islam di Malaysia	123
6.4 Kepentingan Penguatkuasaan Undang-undang Zakat	124
6.5 Faktor Kelemahan Penguatkuasaan Undang-undang Zakat	126
6.6 Cabaran Penguatkuasaan Undang-undang Zakat	127
6.7 Penutup	128

Unit 7: Dakwah dan Kepimpinan Amil	129
7.0 Pengenalan	132
7.1 Definisi Dakwah	132
7.2 Rukun-rukun Dakwah	134
7.3 Ciri-ciri Pendakwah	135
7.4 Metode/Strategi Dakwah	136
7.5 Kandungan Dakwah	137
7.6 Pendakwah Sebagai Pemimpin	138
7.7 Sifat Kepimpinan	139
7.8 Gaya Kepimpinan	139
7.9 Ciri-ciri Pemimpin Efektif	140
7.10 Kepimpinan dan Pengurusan Insan Secara Profesional	141
7.11 Ciri-ciri Kepimpinan Islam	142
7.12 Penutup	143
Kesimpulan	145
Rujukan	147

Penghargaan

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian dan syukur hanya bagi Allah SWT tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan seterusnya sesiapa sahaja yang mengikuti panduan Baginda dan mengambil petunjuk daripada sunnahnya sehingga hari kiamat.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapatlah penulis menyempurnakan penulisan buku yang berbentuk modul ini. Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang telah membiayai geran penyelidikan bertajuk “Pembinaan Model Bersepadu Pembangunan Amil Zakat di Malaysia” (USIM / FRGS / FSU / 5-50211) yang berjaya menghasilkan modul ini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan juga kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) amnya dan Fakulti Syariah dan Undang-undang khasnya yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam penulisan buku ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri di Malaysia yang telah banyak memberikan maklumat dan bantuan dalam menyiapkan penulisan ini. Jutaan terima kasih juga dihulurkan kepada isteri tercinta, Amalina Binti A. Rahim dan anakanda tersayang, Amirul Rasyaad Bin Azman serta kedua ibu bapa dan seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberi dorongan dan galakan yang tidak pernah putus sehingga terhasilnya buku ini dan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kerja-kerja penghasilan dan penerbitan buku ini terutamanya kepada dua pembantu penyelidik iaitu Siti Martiah Binti Anwar dan Zariana Binti Sahari. Ucapan terima kasih juga kepada Nur Raihan Binti Rosli, Ainul Kauthar Binti Karim, Siti Nabilah Binti Adnan, Siti Shahirah Binti Anuar dan Mastura Zawani Binti Ramli yang turut membantu secara tidak langsung dalam penghasilan buku berbentuk modul ini. *Jazakumullahu khairan kathira.*

Prakata

Amil zakat merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam memungut dan mengagihkan zakat. Secara umumnya, amil dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri berdasarkan cadangan pencalonan daripada jawatankuasa masjid dan surau setiap negeri. Begitu juga senario yang dapat dilihat bahawa pengurusan amil zakat pada masa dahulu adalah berbeza dengan pengurusan zakat pada masa kini iaitu dari segi bentuk atau kaedah pengurusan amil itu sendiri. Disebabkan oleh peranan amil yang semakin mencabar dalam urusan pentadbiran harta zakat, setiap amil perlu mempunyai kriteria dan kualiti pengurusan yang dinamik. Terdapat beberapa kes pecah amanah di kalangan para amil pada masa kini yang juga menjejaskan kredibiliti dan kepercayaan masyarakat Islam terhadap institusi zakat di Malaysia.

Berdasarkan kajian dan penilaian serta penelitian yang telah dilaksanakan, jelas bahawa sejak zaman selepas merdeka hingga tahun 2014 tiada kursus yang khusus dilaksanakan bagi meningkatkan mutu dan juga program pembangunan amil di Malaysia. Maka satu modul perlu dibangunkan untuk memperkasakan pengurusan zakat khususnya amil zakat di Malaysia bagi melahirkan seorang amil yang berkualiti serta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menguruskan pentadbiran kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Modul yang dibangunkan ini dinamakan “Modul Pengurusan Amil Zakat Malaysia”. Ia dibina berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada temu bual dan bahan-bahan rujukan serta laporan-laporan yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri.

Modul ini mengandungi tujuh unit yang meliputi topik berkaitan dengan Konsep Zakat Menurut Islam, Sejarah dan Peranan Amil dalam Islam, Kemahiran Komunikasi Amil, Etika dan Integriti Amil, Fatwa Zakat, Perundangan Zakat di Malaysia dan Dakwah dan Kepimpinan Amil. Modul ini disusun dengan rapi bagi memastikan kandungan modul dan setiap unit benar-benar memberi impak serta mencapai hasil pembelajaran yang digariskan. Umumnya, setiap unit merangkumi pengenalan, sub-topik, latihan / aktiviti dan penutup. Modul ini sesuai dijalankan dalam bentuk ceramah, penerangan, bengkel, latihan dalam kumpulan dan sebagainya untuk melahirkan seorang amil yang mempunyai kemahiran insaniah dan dapat mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari bagi memberikan hasil yang optimum.

Diharapkan agar Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat dapat bekerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi melaksanakan Modul Pengurusan Amil Zakat Malaysia ini. Dengan terlaksananya modul ini nanti, ia dapat meningkatkan profesionalisme amil zakat dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan zakat. Semoga dengan terlaksananya modul ini juga nanti, Malaysia akan menjadi negara yang terkenal di dunia khususnya dalam bidang pentadbiran pengurusan zakat sama ada dari segi kutipan dan agihan.

Diharapkan buku ini akan menjadi satu rujukan dan panduan yang berguna kepada mana-mana pihak yang berhasrat untuk memperkasakan dan menambahkan pengetahuan tentang pengurusan zakat di Malaysia. Pihak penulis mengalu-alukan sebarang cadangan untuk penambahbaikan buku ini pada masa hadapan. Mudah-mudahan Allah SWT menerima buku ini sebagai satu sumbangan kecil dalam *amal Islami*.

Sekian, *wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dr. Azman Ab Rahman
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
30 Safar 1435 Hijrah / 2 Januari 2014

Pendahuluan

Menunaikan zakat merupakan rukun Islam yang ketiga yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam yang berkemampuan. Manakala, amil zakat ialah seseorang yang dilantik oleh pemerintah untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat. Amil memainkan peranan yang penting sejak dari zaman Rasulullah SAW, para sahabat sehinggalah pada era ini khususnya dalam menguruskan harta zakat. Peranan dan tanggungjawab amil pada masa dahulu lebih kepada memungut dan mengagihkannya sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Namun pada masa kini, tanggungjawab amil dilihat tidak terhad kepada proses kutipan bahkan juga dalam proses agihan zakat dan juga hal-hal lain yang berkaitan dengan pembangunan dan kesejahteraan golongan asnaf. Peranan amil zakat yang efisien dan profesional dapat menjamin urus tadbir institusi zakat yang lebih berkesan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan tamadun ummah dari pelbagai aspek kehidupan.

Dalam usaha untuk merealisasikan hasrat tersebut, maka satu transformasi baharu perlu dilakukan bagi melahirkan amil yang cekap dan profesional. Modul yang dibentuk dan disusun dalam buku ini merupakan salah satu aspirasi dan usaha untuk mencapai dan mengimplementasikan hasrat tersebut. Buku atau modul ini mengandungi 7 unit. Perbincangan dimulakan dalam unit 1 dengan memberikan definisi zakat dan dalil pensyariatannya dengan jelas dan terperinci. Unit ini juga akan melatih peserta untuk membezakan jenis-jenis zakat yang terdapat dalam Islam. Di samping itu, penjelasan tentang pengertian zakat fitrah, kewajipan berzakat dan masalah hukum syarak yang berkaitan dengannya turut dibincangkan dalam unit ini.

Bagi memberikan penjelasan yang jelas tentang sejarah dan tugas-tugas amil secara terperinci khususnya pada zaman nabi Muhammad SAW, unit 2 menjelaskan perkara ini di samping menerangkan tentang bagaimana para amil menjalankan tugas sebagai pemungut dan mengagihkan zakat pada masa dahulu. Di samping itu juga, unit ini akan menjelaskan definisi amil dan syarat-syarat menjadi seorang amil serta peranan dan tanggungjawab mereka dalam menjalankan tugas sebagai seorang amil.

Unit 3 dalam modul ini menyentuh tentang kemahiran komunikasi amil. Perbincangan dalam unit ini merangkumi konsep komunikasi dan ciri-ciri komunikasi yang kompeten secara terperinci. Di samping itu juga, unit ini menjelaskan prinsip asas komunikasi, perbezaan jenis-jenis komunikasi dan mengenal pasti jenis komunikasi yang berkaitan dengan amil. Perbincangan mengenai fungsi komunikasi dan panduan penyampaian mesej berkesan serta halangan-halangan komunikasi turut dibincangkan dalam unit ini.

Manakala unit 4 membincangkan tentang Etika dan Integriti Amil. Unit ini sangat penting untuk dikupas dan dibincangkan dengan lebih mendalam untuk melahirkan amil yang berkualiti, amanah dan adil. Unit ini menerangkan etika dan integriti sebagai amil zakat dengan jelas dan terperinci. Pembaca juga akan dapat membezakan konsep


etika dan konsep integriti khususnya dalam bidang pengurusan zakat. Unit ini juga akan membincangkan kewajipan sebagai amil zakat dalam mematuhi etika dan integriti diri seterusnya mengajak orang lain untuk berintegriti dalam setiap urusan dalam kehidupan.

Selain daripada penekanan kepada aspek kemahiran komunikasi, etika dan integriti, aspek lain yang perlu dititikberatkan adalah pengetahuan mengenai fatwa zakat. Perbincangan tentang Fatwa zakat diterangkan dalam unit 5 yang merangkumi penerangan fatwa-fatwa zakat bagi negeri-negeri tertentu mengikut negeri. Di samping itu juga, unit 5 membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan zakat dan fatwa yang berkaitan zakat. Melalui unit ini para peserta akan dapat membezakan fatwa-fatwa zakat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri-negeri termasuk juga Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Pemahaman tentang fatwa ini akan memberi kekuatan kepada amil ketika berhadapan dengan masyarakat sekiranya mereka bertanyakan hukum hakam yang berkaitan dengan zakat.

Perundangan zakat di Malaysia dalam unit 6 pula menerangkan konsep kewujudan undang-undang zakat pada masa kini secara umum dan jelas. Unit ini juga menjelaskan jenis-jenis dan hukuman atas kesalahan keengganan membayar zakat menurut perundangan Islam di Malaysia. Di samping itu juga, perbincangan mengenai kepentingan dan faktor-faktor kelemahan serta cabaran penguatkuasaan undang-undang turut dibincangkan dalam unit ini.

Unit 7 pula membincangkan tentang dakwah dan kepimpinan amil zakat di Malaysia. Unit ini menerangkan definisi dakwah dan kepimpinan serta dalil yang berkaitan dengannya secara jelas dan terperinci. Ia juga menjelaskan ciri-ciri pendakwah, metode, strategi dan kandungan dakwah dengan terperinci. Pada akhir unit ini, ia akan membincangkan sifat, gaya dan ciri-ciri pemimpin efektif serta menjelaskan ciri-ciri kepimpinan Islam yang menyeluruh.

Diharapkan kesemua unit yang dibentuk dalam modul ini memberikan panduan yang berguna dan komprehensif kepada semua pihak dalam usaha untuk memantapkan, membangunkan serta memperkasakan pengurusan zakat di Malaysia.



UNIT 1

KONSEP ZAKAT MENURUT ISLAM

- 1.0 : PENGENALAN
- 1.1 : DEFINISI ZAKAT DAN DALIL PENSYARIATAN
- 1.2 : HUKUM MENGELUARKAN ZAKAT
- 1.3 : JENIS-JENIS ZAKAT MENURUT ISLAM
- 1.4 : PENUTUP

Kesimpulan

Satu transformasi baru bagi memperkasakan amil zakat perlu terus dilaksanakan bagi membentuk dan melahirkan amil yang lebih cekap dan profesional dalam urus tadbir zakat di Malaysia. Usaha ini perlu diteruskan melalui aktiviti atau program yang bersesuaian dan memberikan impak yang positif kepada golongan asnaf. Modul Pengurusan Amil Zakat Malaysia ini diharapkan dapat dilaksanakan bagi tujuan pemerkasaan amil zakat di Malaysia yang seterusnya pemangkin ke arah keharmonian golongan asnaf di Malaysia.

Amil zakat bukan sekadar individu tetapi merupakan institusi yang berperanan menyempurnakan ibadah zakat. Justeru itu, amil haruslah memahami dengan jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka pada masa kini yang semakin mencabar. Hal ini adalah penting kerana dana zakat dan juga amil zakat merupakan pemangkin kepada proses perubahan golongan asnaf seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan tamadun ummah secara khususnya. Proses pembangunan ketamadunan ummah ini dapat dilihat dari segi pembangunan kehidupan yang lebih baik yang bebas daripada belunggu kemiskinan, peningkatan ekonomi dan sosial yang disumbangkan melalui dana zakat yang telah dikutip oleh amil zakat.

Pengurusan zakat yang baik kalangan amil zakat dan Majlis Agama Islam dan Baitulmal negeri dapat terus menjamin ketamadunan ummah selari dengan galakan dan ajaran Islam yang menggalakkan umat Islam supaya maju dan berjaya dalam semua aspek kehidupan. Modul yang dibentuk dengan rapi berdasarkan kepada isu dan permasalahan yang timbul di kalangan amil zakat sejak zaman dahulu hingga kini diharapkan mampu mentransformasikan dan memperkasakan amil di Malaysia.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim.

A Survey of Institution of Zakah: Issues, Theories and Administration. t.t. Kuwait: Islamic Development Bank.

Abang Mohammad Shibli Abang Mohd Nailie. 2000. "Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ummah". Nik Mustapha Nik Hassan. 2000. *Ekonomi Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asha'ath al-Sijistani. 1995. *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Adanan Mat Junoh. *Integriti Dalam Pekerjaan*. Pembentangan Kursus Pembangunan Kompetensi Mutawif. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Julai 2011.

Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Ahmad Shahir Makhtar, Zaini Nasohah, Shofiah Ahmad dan Mat Noor Mat Zain. Tajuk Penyelidikan: *Transformasi Sistem Perundangan Zakat Di Malaysia: Kepentingan Dan Cabarannya*. Seminar Syariah Dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan 2010. USIM.

Al-'Asqalaniyy, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar al-'Asqalaniyy. 1989. *Fath al-Bari Sharh Sahih Bukhariyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

_____. 1997. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bahutiyy, Mansur Ibn Yunus Ibn Idris. 1982. *Kashshaf al-Qina' 'An Matn al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & Al-Syabaji, Ali. (2005). *Manhaj fiqh al-syafie*. Jilid 2. Penterjemah: Mohd Yusof Ahmad, Abdul Kudos Othman, Jamil Abdul Wahab dan Zulkifli Muhammad al-Bakri. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn Bhd.

Al-Mawardiyy, Abu Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadiyy. t.t. *al-Ahkam al-Sultaniyyat wa Wilayat al-Diniyat*. Kaherah: Mustafa Halabiyy.

Al-Nawawiyy, Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya B. Sharf. 1995. *al-Majmu' Syarah Muhazzab lil-Syiraziyy*. Kaherah: Dar al- Ehya' Turath al-'Arabiyy.

_____. 1994. *al-Minhaj fi- Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Beirut: Dar al-Khayr.


_____. 2000. *Raudhat al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Qaradawiyy, Yusof. 1999. *Fiqh al-Zakat Dirasah Muqaranah li-Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'anwal-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawiyy, Yusof. 2001. *Hukum Zakat, Studi Komparatif mengenai Status dan Filsafah Zakat berdasarkan Quran dan Hadis*. Salman Harun, Didin Hafidhuddin, Hasanudin, (terj.). Jakarta: P.T Pustaka Litera AntarNusa.
- Al-Qurtubiyy, Abi 'Abdullah Mohammad Ahmad al-Ansariyy. t.t. *Jami' al-Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurtubiyy, Ibnu Rusyd. 1996. *Bidayat al- Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Sharbiniyy, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 2000. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut : Dar al- Kutub al-'Ilmiyah.
- Azman Ab Rahman, Amiruddin Mohd Sobali dan Syed Mohd Najib Syed Omar. 2012. *Keengganan Membayar Zakat Menurut Perspektif Syarak Dan Perundangan Islam Di Malaysia*. USIM.
- Fuad Abdullah Umar. 2005. *The Historical Development of Zakat*, Journal of Shariah and Islamic Studies, Academic Publication Council Kuwait University, Vol 14, h.6. www.publicouncil.kuniv.edu.kw/JSIS/. 4 November 2009.
- Hairulfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman. 2011. *Kajian Syariah dan Undang-Undang*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, USIM
- Hasan Bahrom & Ezani Yaakub. 2006. *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin. t.t. *Hasyiah Ibnu 'Abidin*.Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Arabiyy, Abu Bakr. t.t. *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al- Ma'rifah.
- Ibnu Hummam, Kamaluddin. 1970. *Fath al-Qadir*. Kaherah: Mustafa Babiyy al-Halabiyy.
- Ibnu Qudamah, 'Abdullah bin Qudamah al-Maqdisiyy. 2004. *al-Mughniyy*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibrahim Mustafa *et.al*. 1985. *Mu'jam al- Wasit*. Istanbul: Maktabah Islamiyyah.
- Jawziyy, Ibn Qayyim, Shamsuddin Abi 'Abdullah Muhammad Ibn Bakr al-Zar'ie al-Dimashqiyy. 1998. *Zad al-Ma'ad fi al-Huda Khayra al-'Ibad*. Beirut: Muassasah Risalah.
- Joseph Schacht (1949), *A Revaluation of Islamic Traditions*, *Journal of the Royal Asiatic Society* (1949): hal.143-154, <http://www.answering-islam.org/Books/Schacht/revaluation>. 4 November 2009.

- Mohd. Rushdan bin Mohd Jailani. *Kemahiran Kepimpinan dan Dakwah*. Pembentangan Kursus Pembangunan Kompetensi Mutawif. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Julai 2011.
- Laman web, <http://kafesantai.blogspot.com/2011/10/amil-larikan-wang-zakat-diburu-polis.html> , 20 April 2012.
- Laman web e-Fatwa, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat>, 10 April 2012.
- Laman web Suara Merdeka, <http://www.suaramerdeka.com/> , 22 Februari 2010.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mujaini Tarimin. 2006. *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM hal 51.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Tanggungjawab Amil dalam Konteks Kontemporari*, Kertas Kerja 10. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- _____.2006. *Golongan Penerima Zakat:Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Suria Hani Abdul Rahman dan Zainul Abidin Ahmad: *Kemahiran Komunikasi Pembentangan Kursus Pembangunan Kompetensi Mutawif*. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Julai 2011.
- Shafi'iyy, Mohammad Bin Idris. t.t. *al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Zaydan, 'Abd Karim. 2000. *al-Mufassal fi al-Ahkam al-Mar'ah*. Beirut: Muassasah Risalah.







MODUL PENGURUSAN

AMIL ZAKAT MALAYSIA

Modul ini mengandungi tujuh unit yang meliputi topik berkaitan dengan Konsep Zakat Menurut Islam, Sejarah dan Peranan Amil dalam Islam, Kemahiran Komunikasi Amil, Etika dan Integriti Amil, Fatwa Zakat, Perundangan Zakat di Malaysia dan Dakwah dan Kepimpinan Amil. Modul ini

disusun dengan rapi bagi memastikan kandungan modul dan setiap unit benar-benar memberi impak serta mencapai hasil pembelajaran yang digariskan.

BIODATA PENULIS



Azman bin Ab Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Berkelulusan Sarjana Muda daripada Universiti al al-Bayt, Mafraq, Jordan dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh. Kemudian memperolehi Sarjana dan Doktor Falsafah daripada Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia juga dalam bidang Fiqh dan Usul al-Fiqh. Bergiat aktif dalam bidang penyelidikan dan penulisan khususnya dalam bidang zakat.

